

PM tidak terkejut PRM kaitkan dengan politik

UM 30 MAY 2002
KUALA LUMPUR 29 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak terkejut atas cubaan Parti Rakyat Malaysia (PRM) mengaitkan keputusannya menerima undangan Pope John Paul II, dengan tindakan politik menjelang pilihan raya umum.

Perdana Menteri berkata: "Begitulah sangkaan buruk memang ada kepada orang ini.

"Kita tak ada sangka buruk, kita nak buat sesuatu untuk kebaikan."

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan pada Kongres Dunia Ke-53 Persekutuan Hartanah Antarabangsa (FIABCI) 2002 di sini hari ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas kenyataan Presiden PRM, Dr. Syed Husin Ali yang disiarkan dalam laman web organ Pas, yang berharap Perdana Menteri tidak mengeksploitasi pertemuan tersebut untuk meraih sokongan rakyat beragama Kristian.

Perdana Menteri memberitahu, Kabinet hari ini mengesahkan pemergian beliau ke Vatican City bagi memenuhi undangan pemimpin tertinggi Roman Katolik itu, pada 7 Jun ini.

Dr. Mahathir berkata, selain masalah Palestin, lawatan tersebut akan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kefahaman berkenaan agama Islam dan imej agama suci itu serta memperbaiki hubungan antara orang Islam dan bukan Islam.